

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI - BN ]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 46)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah pelaburan sektor swasta untuk pembangunan sukan-sukan di Malaysia dan nyatakan apakah jenis sukan yang banyak penerima pelaburan daripada pihak swasta.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pelaburan sektor swasta untuk pembangunan sukan-sukan di Malaysia terbahagi kepada 2 bentuk pelaburan iaitu pertamanya pelaburan dalam bentuk sumbangan kepada Kerajaan melalui Kementerian Belia Dan Sukan atau Majlis Sukan Negara dan keduanya pelaburan berbentuk penajaan sukan atau kejohanan sukan tertentu.
2. Bagi pelaburan dalam bentuk sumbangan kepada Kerajaan, pihak Majlis Sukan Negara menerima penajaan sejak tahun 2003 yang berjumlah RM 11, 820, 000.00. Antara syarikat yang memberi tajaan adalah Telekom Malaysia Berhad sebanyak RM 2 juta dari tahun 2011 hingga 2016 dan F&N Beverage Marketing Sdn. Bhd berjumlah RM 1, 820,000.00 bagi tempoh 2003 hingga 2015.
3. Bagi pelaburan berbentuk penajaan kepada sukan atau kejohanan sukan, beberapa syarikat swasta juga memberi penajaan secara terus kepada sukan-sukan tertentu seperti sukan Bola Keranjang (Petronas), Bola Sepak (Telekom Malaysia Berhad), Badminton (Maybank dan Victor), Skuasy (CIMB) dan Pelayaran (KFC). Di antara sukan yang mendapat penajaan terbesar ialah sukan Bola Sepak. Kementerian turut menerima sumbangan sebanyak RM 15 juta di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFII) pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih.